

# Ingin terus bukti keupayaan

KURANG dua tahun selepas mula menceburil pencak silat, Sharifah Shazza Samsuri, 15 tahun, kini bergelar juara dunia.

Pelajar Sekolah Menengah Outram itu memenangi pingat emas bagi acara tanding Kelas E (55-59 kilogram) di Kejohanan Pencak Silat Belia Dunia minggu lalu.

Lebih manis lagi, kejohanan itu adalah pertandingan antarabangsa pertama bagi pesilat muda itu.

"Saya sama sekali tidak menjangka dapat meraih kejurauan dunia kerana baru sahaja berjinak-jinak dengan silat."

"Ia membakar semangat saya untuk berusaha lebih gigih semasa latihan supaya dapat mencapai keputusan lebih baik pada masa depan," kata Shazza.

Beliau juga berazam menunjukkan kemenangan yang diraih di Kuala Lumpur ini bukan sekadar 'nasib' semata-mata.

Walau diberitahu telah mengatasi lawannya dari Indonesia pada separuh akhir dengan kiraan mata dan diminta meninggalkan perisai tubuh oleh seorang wasit, Shazza diminta kembali ke gelanggang selepas rombongan Indonesia menyangkal keputusan pengadil.

Malah, seorang anggota rombongan Indonesia mencerahkan air ke gelanggang sebelum melontar botol plastik yang kosong itu.

Perlwanan akhirnya diteruskan selepas tergendala 20 minit.

Namun, Shazza yang sedang mendahului lawannya dengan satu mata sebelum insiden itu akhirnya tewas.

Bagaimanapun, ketua pegawai eksekutif (CEO) Persekutuan Silat Singapura (Persisi), Sheikh Alau'ddin Yacoob Marican, yang membayar AS\$200 (\$283) bagi membangkang keputusan itu, mendakwa keputusan itu perlu dibatalkan atas aksi anggota rombongan Indonesia mencerahkan air ke gelanggang.

Akhirnya, bagi menyelesaikan kontroversi, pihak pengadur memutuskan pingat emas diberikan bukan sahaja kepada kedua Shazza dan lawannya, malah pesilat Vietnam yang memenangi separuh akhir kedua.

"Bagi saya, saya telah memenangi separuh akhir itu dan separutnya diberi peluang merebut pingat emas dengan pesilat Viet-



nam di final," kata Shazza dengan wajah suram.

"Tapi keputusan muktamad telah dibuat pengadur dan saya terpaksa berpuas hati dengannya."

Pesilat yang disifatkan Sheikh Alau'ddin sebagai lasak dan bijak ini baru kurang setahun menyertai latihan pasukan nasional.

Sebelum ini, dia berlatih dengan Perguruan silat Sendeng Belalang.

Menurut Shazza, beliau juga menceburil silat secara tidak sengaja.

Shazza, anak keempat dalam keluarga enam beradik, menetap di Kawasan Outram dan menyertai sesi latihan bola sepak yang dianjurkan Persatuan Kebajikan Islam Jalan Kukoh (Pekik).

Pekik, pertubuhan akar umbi yang ditubuhkan oleh penduduk Jalan Kukoh, bertujuan menerapkan kepentingan pendidikan dan menimba ilmu dalam kalangan kanak-kanak di kawasan itu. Kisah Pekik pernah dibentangkan di akhbar ini pada 2013.

Apabila Pekik memperkenalkan silat kepada anggotanya, Shazza mula berjinak-jinak dengan seni mempertahan Melayu itu dan kini akur lebih selesa menceburinya berbanding bola sepak.

"Menyertai latihan skuad nasional membuka mata saya kepada pengalaman baru dan berlatih di samping pesilat terbaik setempat yang telah memenangi banyak pingat.

"Saya juga ingin menjadi juara seperti mereka," kata Shazza.

**TERPAKA  
BERKONGSI PINGAT**  
**EMAS:** Shazza berkongsi tempat pertama dengan pesilat dari Indonesia dan Vietnam walau yakin telah menewaskan lawannya pada separuh akhir pertandingan. – Foto PERSISI



**INGIN MENANG LAGI:** Shazza (atas, kanan) ingin terus membuktikan beliau layak bergelar juara dunia dengan memenangi pertandingan lain pada masa depan. – Foto TUKIMAN WARJI